

22 JAN 1996

Annuar - Piagam

JAWATANKUASA DITUBUH UNTUK SEDIAKAN PIAGAM DESA WAWASAN

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Satu jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menyediakan Piagam Desa Wawasan yang akan menerangkan dengan jelas ciri-ciri yang sepatutnya dipunyai oleh masyarakat desa.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini berkata, piagam itu juga akan menggariskan ciri-ciri yang harus dipunyai oleh pemimpin luar bandar dalam membangunkan masyarakat desa.

"Sehingga kini sebanyak 3,000 kampung telah dipilih dalam melancarkan program desa wawasan itu," katanya kepada pemberita semasa melawat projek pembinaan Institut Pembangunan Desa (INFRA) di sini.

Desa wawasan itu, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Julai ini, juga akan menjelaskan peranan semua institut pembangunan luar bandar di semua peringkat dalam membangunkan masyarakat desa.

Dalam menjalankan gerakan itu, semua ciri seperti yang terdapat di Kampung Indah di Banting, Selangor, termasuk cara penduduk kampung itu bekerja dengan teratur, berdisiplin dan tidak bergantung kepada subsidi akan rujukan kepada Kementerian dalam memperkenalkan piagam desa wawasan itu secara jelas.

Annuar juga akan mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak tertentu dalam membentuk piagam itu untuk mengukuhkan pelaksanaan desa wawasan itu.

Sebelum itu, Annuar berkata, beliau berpuas hati dengan laporan kemajuan pembinaan bangunan INFRA itu yang mana 30 peratus daripada bangunan itu siap mengikut jadual.

Beliau mahukan infra dibina sederhana dan memadai dengan kosnya sebanyak RM20 juta dan kapasitinya sebanyak 200 hingga 300 orang untuk latihan jangka panjang dan jangka pendek.

Annuar juga berkata, bangunan INFRA itu akan dilengkapi dengan satu galeri desa yang akan berfungsi sebagai pusat sumber yang akan mengumpulkan semua khazanah berhubung dengan sejarah dan kejayaan pembangunan luar bandar.

Beliau berkata, galeri itu akan dijadikan pusat penyelidikan dan bahan rujukan pengkaji tempatan dan juga dari luar negara.

"Langkah itu penting kerana beberapa agensi pembangunan luar bandar seperti RISDA dan FELCRA akan mengalami perubahan besar dan semua sejarah itu dan artifak-artifak yang berkaitan dengan luar bandar perlu didokumentasi untuk tujuan kajian," katanya.

Sementara itu dalam majlis yang sama, Annuar juga berkata beliau akan mengumumkan pendiriannya untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO selepas Hari Raya Aidil Fitri ini. -- BERNAMA.